

EDISI 16 / APR – JUN 2025
Suara Mimbar diterbitkan secara suku-tahunan

PERCUMA

SUARAMIMBAR

INFORMATIF, INOVATIF & INKLUSIF

**FESTIVAL
MAAL HIJRAH
1447H/2025M**


m/s 11

**BERDAMAI
DENGAN
TAKDIR**

m/s 20

**TAQWA; KUNCI
HATI YANG
TENANG**

m/s 25



www.lakmns.org.my



INFORMATIF, INOVATIF & INKLUSIF

SIDANG REDAKSI

PENAUANG

YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Abdul Aziz bin Dato Haji Husain

PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai
YBrs. Encik Mohamad Feisal bin Said

PANEL EDITOR

Puan Megawati binti Haji Julaihi
Puan Nona Zaharia binti Fadzil
Encik Abang Bikusary bin Haji Kadir
Puan Siti Emiliana binti Mohamad Edmund
Encik Khasmady bin Mahidi
Encik Husmizam bin Ashek

SUB-EDITOR

Puan Haryati binti Mohamad

PENOLONG SUB-EDITOR

Mohamad Hanif bin Abudullah

PENULIS/PENGARANG

Puan Dayang Siti Aishah binti Mohd Atei
Puan Nurulzia binti Ibrahim
Encik Abang Zulkernain bin Abang Yusuf
Cik Nusrin binti Mohamad Idris
Ustazah Nursyafiqah binti Sulaiman
Ustaz Muhammad Nur Izzat bin Muas
Encik Muhamad Hafiz Fadilah bin Bahar
Puan Farah Farina binti Hossien
Encik Yusuf bin Mohamad Nassir
Puan Nur Athirah binti Nawawi

PEREKA GRAFIK

Heiruzam Filani bin Mohamad

JURUGAMBAR

Hadihizami bin Haidi
Ammirol bin Harun
Shafiq Ashrafy bin Haji Ghazali

PENYELENGGARA/KOORDINATOR

Unit Multimedia, Bahagian Publisiti dan Komunikasi

Diterbitkan Oleh :

Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS)
Alamat : Tingkat 8, Bangunan Baitul Makmur 1, Medan Raya,
Petra Jaya, 93050, Kuching Sarawak.
Emel : publicity@lakmns.org.my
No Tel : 082-440775



A^{Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,}

Syukur Alhamdulillah kita dipertemukan lagi dengan 1 Muharram yang kita raikan dengan penuh makna dan kesyukuran. Tahun Baharu Hijrah bukan sekadar peralihan angka, namun ia membawa seribu erti penghijrahan. Itulah yang diterjemahkan oleh Baginda Rasulullah SAW dalam peristiwa agung penghijrahan dari kota Mekah ke kota Madinah al-Munawwarah.

Bagi kita umat Islam yang dikurniakan aqal yang sihat, sudah tentu dapat membaca pelbagai hikmah yang telah Allah bentangkan untuk direnungi dan difahami, dan sudah pasti untuk diamalkan, kerana amalan yang baik juga akan dihitung di akhirat kelak. Wallahua'lam.

Berbicara tentang membaca, marilah sama-sama kita tingkatkan ilmu dengan amalan membaca. Membaca bukan sahaja suatu proses menerima maklumat, ia juga suatu proses untuk melatih akal untuk berfungsi dengan cerdas dan berhikmah. Justeru, sidang redaksi Suara Mimbar mempersembahkan lembaran kecil ini sebagai santapan minda buat pembaca yang budiman.

Semoga perkongsian kecil kami ini sedikit sebanyak memberi manfaat buat pembaca dan seterusnya menjadi bahan bacaan pilihan.

Sekian, wassalam.
Selamat membaca!

KANDUNGAN

EDISI 16 / APRIL - JUN 2025



4
MAJLIS SINAR
SYAWAL 2025
RAI AIDILFITRI
DAN SEMANGAT
KEBERSAMAAN
WARGA LAKMNS



5
PROGRAM
PENGENALAN
KAUNSELING "HELLO
COUNSELOR" SIRI 4



6
SOLAT SUNAT
AIDILADHA



7
LATUAN SMP CHUNG
HUA MIDDLE
SCHOOL NO. 1



8
HIJRAH 1447H: SERUAN
PEMBAHARUAN DIRI DAN
PENGUKUHAN
INSTITUSI UMMAH



9
PEMERGIAN PUAN
SRI DATUK
AMAR HAJAH JUMA'ANI
KEHILANGAN BESAR
BUAT NEGERI
SARAWAK



10
MAAL HIJRAH
DAN HARAPAN
BAHARU UMAT
ISLAM SARAWAK



11
LEBIH 5,000
HADIR JAYAKAN
FESTIVAL MAAL HIJRAH
LAKMNS 2025



12
MAKNA
KORBAN



13
BUY NOW, PAY LATER
KEMUDAHAN
ATAU BEBAN
KEWANGAN?"



14
KAUNSELING
DALAM ISLAM



15
JENIS-JENIS
PENYELENGGARAAN
BANGUNAN



16
RADIO DAN REVOLUSI
ARTIFICIAL
INTELLIGENCE (AI) :
ANCAMAN ATAU
PELUANG?



17
BERDAMAI DENGAN
TAKDIR



18
HIJRAH DAN
KEPIMPINAN



19
PINDAAN ORDINAN
BURUH
SARAWAK 2025



20
MASJID SEBAGAI TERAS
PEMBANGUNAN UMMAH:
INSPIRASI DARI FESTIVAL
MAAL HIJRAH 1447H



21
TAQWA : KUNCI HATI YANG
TENANG



22
PENCEGAHAN: SCAMMER
PEROSAK BANGSA DAN
MASYARAKAT



23
KERJA SEBAGAI IBADAH:
MENELUSURI
KONSEP KERJA
DALAM ISLAM



24
VAPE: ANCAMAN
KESIHATAN DAN
AKIDAH



25
ANAK DAN
SKRIN



26
WAKAF PEMANGKIN
PEMBANGUNAN
UMMAH




INTERNET RADIO ISLAMIC SARAWAK

Isnin - Jumaat 10 Pagi - 4 Petang



SILA IMBAS QR CODE
UNTUK MUAT TURUN
SEMUA PLATFORM
MEDIA SOSIAL IRIS



MAJLIS SINAR SYAWAL 2025 RAI AIDILFITRI DAN SEMANGAT KEBERSAMAAN WARGA LAKMNS



Majlis Sinar Syawal 2025 anjuran Kelab MASJA-SA, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah berlangsung pada 26 April 2025 yang lepas bertempat di Dewan Mutiara Tinggi Demak. Majlis ini merupakan program meraihan aidilfitri dan sekaligus mengukuhkan silaturahim dalam kalangan warga kerja LAKMNS.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Setiausaha Kehormat LAKMNS, YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Abdul Aziz bin Dato Haji Husain, Ahli-Ahli EXCO LAKMNS, serta Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS, YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai, bersama-sama barisan pengurusan kanan dan kakitangan.

Dalam ucapannya, Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan majlis ini dan menekankan bahawa LAKMNS sangat menitikberatkan semangat harmoni serta silaturahim dalam organisasi. Menurut beliau, dengan adanya elemen ini, LAKMNS pasti akan mencapai misi dan visinya sebagai sebuah badan amanah Islam bertaraf dunia.

Beliau turut menekankan peranan Kelab MASJA-SA sebagai kelab kebajikan dan sosial yang menjadi wadah mempererat hubungan warga kerja melalui aktiviti sosial, sukan, kerohanian dan kebajikan. Malah, kelab ini juga merupakan sebahagian daripada Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan (MAKSAK) Sarawak dan telah meraih pelbagai pencapaian seperti menjadi juara Karnival Sukan Agensi Islam selama tiga tahun berturut-turut serta penyertaan dalam festival nasyid kebangsaan.

Beliau turut memaklumkan berkenaan Program Sukan dan Riadah MASJA-SA tahun ini yang melibatkan lapan pasukan dan Majlis Sinar Syawal adalah sebahagian daripada pengisian tersebut. Program ini menjadi medium untuk mencungkil bakat warga LAKMNS dalam pelbagai bidang.

Tambahnya lagi Kelab MASJA-SA juga sedang merangka pelan program yang lebih menyeluruh untuk pembangunan sahsiah dan kebajikan kakitangan.

Majlis dimeriahkan dengan penyediaan gerai juadah mengikut tema dan disertai semua kumpulan kakitangan. Ucapan penutup Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS menzahirkan harapan agar segala usaha yang dilakukan mendapat keberkatan dan diteruskan pada tahun-tahun mendatang.



PROGRAM PENGENALAN KAUNSELING “HELLO COUNSELOR” SIRI 4



Pada 14 Mei 2025, telah berlangsungnya Program Pengenalan Kaunseling “Hello Counselor” Siri 4 iaitu Siri terakhir di Bilik Kuliah, Masjid Bandaraya Kuching anjuran Unit Psikologi dan Kaunseling, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (Group HR) LAKMNS. Seramai 32 kakitangan Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak yang hadir ke program ini.

Tujuan pelaksanaan program ini adalah bagi memberi kefahaman dan pengenalan berkenaan kaunseling serta kewujudan kaunselor baharu di LAKMNS. Perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan untuk staf terdiri daripada kaunseling individu, kaunseling kelompok, bimbingan dan konsultasi. Di samping itu, kaunselor dapat berkongsi pengetahuan berkenaan khidmat kaunseling yang disediakan oleh kaunselor serta dapat membina hubungan yang baik antara kaunselor bersama kakitangan. Kaunselor telah menyediakan 4 slot iaitu slot *ice breaking*, slot pengenalan perkhidmatan kaunseling, slot Hello Counselor yang menerangkan tentang masalah kesihatan mental dan slot saringan kesihatan. Daripada slot tersebut, kakitangan dapat memahami apa itu stres, kemurungan dan keresahan.

Semua kakitangan yang menjadi peserta telah melengkapkan borang saringan kesihatan Dass-21, PHQ-9, dan GAD-7. Saringan kesihatan ini dilakukan untuk mengetahui tahap kesihatan mental sama ada berada ditahap normal, sederhana atau teruk. Aktiviti ini menilai dan mengenalpasti kakitangan yang memerlukan bantuan psikologikal dari peringkat awal.

Melalui program ini juga, diharapkan semua kakitangan mampu untuk membuang stigma negatif terhadap perkhidmatan kaunseling dan segera dapatkan bantuan jika merasakan diri mempunyai masalah kesihatan mental. Ingatlah, mencegah lebih baik daripada mengubati, maka jika diri anda merasa stres dan perlukan bantuan, segera hubungi kaunselor untuk atur temujanji sesi kaunseling.





SOLAT SUNAT AIDILADHA

Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Dr Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar menyertai orang ramai menunaikan Solat Sunat Aidiladha di Masjid Jamek Negeri Sarawak pada 7 Jun 2025.

Turut mengiringi Yang di-Pertua Negeri adalah Premier Sarawak Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg dan Timbalan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof serta beberapa kenamaan negeri yang lain.

Menyambut ketibaan tetamu kenamaan adalah Setiausaha Kehormat Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS), Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Abdul Aziz bin Dato Haji Husain, Ahli-ahli Lembaga, Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai serta pengurusan tertinggi LAKMNS.

Solat Sunat Aidiladha dipimpin oleh Imam Besar Sarawak, Sahibul Fadhilah Dato' Haji Mustapha Kamal bin Ahmad Fauzi, yang turut menyampaikan khutbah bertajuk "Meraih Keimanan, Meningkatkan Pengorbanan".

Sementara itu, di Masjid Bandaraya Kuching, Solat Sunat Aidiladha telah dipimpin oleh al-Fadhil Ustaz Haji Syed Abdul Aziz bin Haji Wan Yusuf yang turut menyampaikan khutbah.

LAWATAN SMP CHUNG HUA MIDDLE SCHOOL NO. 1 KUKUHKAN TOLERANSI DAN PEMAHAMAN ANTARA AGAMA

Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah menerima kunjungan istimewa daripada SMP Chung Hua Middle School No. 1 pada 12 Jun 2025, melibatkan seramai 193 pelajar Tingkatan 6, bersama para guru yang diketuai oleh Pengetua sekolah, Encik Lee Chee Beng.

Lawatan ini merupakan satu inisiatif berharga dalam usaha memperkukuh pemahaman antara budaya dan agama dalam kalangan generasi muda. Dalam kenyataannya, Encik Lee menjelaskan bahawa tujuan utama kunjungan ini adalah bagi memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai kepelbagaian budaya dan agama di Sarawak, di samping memupuk semangat toleransi dan kerjasama merentas perbezaan tersebut.

Rombongan telah disambut mesra oleh Ketua Pegawai Jabatan Pengurusan Masjid-Masjid (JPMM) LAKMNS, Encik Abang Bikusary bin Haji Kadir, bersama pegawai-pegawai dan kakitangan JPMM.

Satu taklimat khas mengenai peranan dan fungsi LAKMNS telah disampaikan oleh Tuan Haji Mohamad Nidzam bin Haji Ahmad, Ketua Bahagian Masjid Jamek Negeri Sarawak. Taklimat ini memberi penerangan menyeluruh mengenai pengurusan institusi masjid, peranan sosial LAKMNS, serta pelbagai inisiatif dakwah dan kebajikan yang dijalankan untuk manfaat masyarakat pelbagai latar belakang.

Pelajar dan guru kemudiannya dibawa melawat sekitar Masjid Jamek Negeri Sarawak, bagi melihat lebih dekat kehalusan seni bina, sejarah dan fungsi masjid dalam konteks komuniti Islam di Sarawak. Lawatan ini turut memberi ruang kepada peserta untuk berinteraksi secara terbuka dengan pegawai LAKMNS dan mengajukan pelbagai soalan berkaitan Islam dan kehidupan beragama secara amnya.

Kunjungan seumpama ini mencerminkan semangat keterbukaan dan keharmonian yang telah lama menjadi tunjang kepada hubungan antara kaum dan agama di Sarawak. Ia juga menzahirkan komitmen LAKMNS dalam mendekati semua lapisan masyarakat melalui pendekatan pendidikan, dialog dan keterlibatan aktif komuniti.



HIJRAH 1447H: SERUAN PEMBAHARUAN DIRI DAN PENGUKUHAN INSTITUSI UMMAH



Disediakan oleh: Mohamad Hanif bin Abudullah

Menjelang 1 Muharram setiap tahun, umat Islam di seluruh dunia menyambut kedatangan Tahun Baharu Hijrah. Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai di dalam perutusannya sempena Tahun Baharu 1447 Hijrah berkata, hijrah bukan sekadar penanda perubahan takwim, tetapi sebagai detik untuk merenung kembali makna hijrah yang sebenar satu perjalanan fizikal, mental dan spiritual ke arah kehidupan yang lebih baik, lebih diredhai Allah SWT.

Tahun 1447H membawa pengharapan dan tekad baharu, khususnya dalam kalangan masyarakat Islam di Sarawak. Ia memberi peluang untuk kita menyemak semula arah tujuan hidup dan berazam memperbaiki hubungan kita dengan Allah SWT, sesama insan, dan masyarakat secara menyeluruh.

Menurutnya peristiwa agung hijrah Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah bukan sekadar peristiwa sejarah, tetapi ia menjadi asas kepada pembinaan masyarakat Islam yang inklusif, adil dan penyayang. Ia menampilkan peranan strategik Rasulullah SAW sebagai pemimpin, pembina masyarakat, dan pembimbing rohani.

Hijrah baginda daripada Mekah ke Madinah merupakan titik tolak kepada pembinaan masyarakat Islam yang berlandaskan nilai kasih sayang, perpaduan, tanggungjawab sosial dan keadilan.

Di sinilah umat Islam hari ini perlu mengambil iktibar. Hijrah harus dilihat sebagai satu proses berterusan, bukan hanya berpindah dari satu tempat ke tempat lain, tetapi bergerak dari kejahilan kepada ilmu, dari kelemahan kepada kekuatan, dan dari sikap mementingkan diri kepada semangat memberi.

Sebagai organisasi amanah yang berteraskan nilai Islam, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) menyahut seruan hijrah dengan pelbagai pendekatan dinamik. LAKMNS bukan sahaja berperanan dalam urus tadbir institusi masjid, tetapi juga menjadi pemacu kepada pembangunan komuniti Islam yang inklusif dan lestari.

Sempena sambutan Tahun Baharu 1447 Hijrah, LAKMNS dengan penuh komitmen menganjurkan Festival Maal Hijrah kali ke-4 yang berlangsung di Masjid Jamek Negeri Sarawak. Festival ini menjadi wahana terbaik untuk masyarakat menghayati semangat hijrah melalui program-program kerohanian, ilmiah, kekeluargaan dan kemasyarakatan yang dirancang rapi.

Festival ini turut memberi ruang kepada masyarakat untuk berinteraksi, menyemai semangat perpaduan dan menzahirkan rasa cinta kepada agama melalui pendekatan yang mesra dan terbuka.

Tahun baharu ini seharusnya menjadi permulaan kepada penghijrahan diri dalam tingkah laku, budaya kerja, pemikiran dan matlamat hidup. Ia juga menjadi peringatan bahawa perubahan tidak akan berlaku melainkan kita sendiri memulakannya.

Hijrah peribadi ini akhirnya akan menyumbang kepada hijrah kolektif sebuah masyarakat Islam yang bukan sahaja progresif, tetapi juga berakhlak, bersatu dan berdaya saing.

Dalam menghadapi cabaran masyarakat moden, institusi masjid perlu kembali berperanan sebagai pusat komuniti, bukan sekadar tempat ibadah. Masjid harus menjadi medan penyatuan, pusat ilmu, sokongan sosial, dan tempat penyemaian nilai murni.

LAKMNS komited untuk memperkukuh fungsi ini melalui pelbagai inisiatif dan kerjasama yang berterusan, agar masjid kekal sebagai titik fokus masyarakat yang menghidupkan semangat hijrah setiap masa.

PEMERGIAN PUAN SRI DATUK AMAR HAJJAH JUMA'ANI BINTI TUN TUANKU HAJI BUJANG SATU KEHILANGAN BESAR BUAT NEGERI SARAWAK

Pada 23 Jun 2025, kita dikejutkan dengan pemergian Almarhumah Puan Sri Datuk Amar Hajjah Juma'ani binti Tun Tuanku Haji Bujang, isteri kepada Premier Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg.

Pemergian Almarhumah merupakan satu kehilangan besar kepada negeri Sarawak, khususnya kepada mereka yang mengenali keperibadian Almarhumah, yang dikenali sebagai seorang yang lembut budi bicara, bersederhana dan komited dalam kerja-kerja kebajikan dan sosial, terutamanya melibatkan institusi pendidikan, keagamaan, wanita dan keluarga.

Almarhumah turut aktif menyokong pelbagai inisiatif kemasyarakatan anjuran kerajaan negeri, badan bukan kerajaan, serta organisasi Islam, termasuk melalui Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS), yang sering menerima sokongan moral daripada beliau dalam pelbagai program. Sempena Ulang Tahun ke-15 Tadika Tahfiz Tun Abdul-Rahman Yakub, Almarhumah telah sudi untuk merasmikan majlis yang diadakan pada 31 Oktober 2024.

Penghormatan terakhir Almarhumah telah diadakan di Masjid Jamek Negeri Sarawak dalam suasana penuh hiba, diiringi keluarga terdekat serta dif-dif kehormat dan kenamaan negeri, manakala pengebumian telah diadakan di Tanah Perkuburan Raudhatul Sakinah Kuching.

Almarhumah dikenang bukan sahaja sebagai isteri yang sentiasa memberikan sokongan padu kepada Premier Sarawak, tetapi juga sebagai seorang wanita berjiwa besar yang sentiasa memberikan contoh teladan kepada masyarakat, khususnya kepada wanita dan generasi muda. Keperibadian beliau yang merendah diri dan mesra rakyat akan sentiasa dirindui.

Seluruh warga kerja LAKMNS menzahirkan ucapan takziah dan simpati yang mendalam kepada YAB Premier Sarawak dan seluruh keluarga atas kehilangan yang amat dirasai ini. Doa dipanjatkan agar roh Almarhumah dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan para solihin.

"Sesungguhnya kita milik Allah dan kepada-Nya kita kembali."
Al-Fatihah.



Pihak pengurusan LAKMNS mengunjungi Almarhumah di Wisma Sabati pada 11 Oktober 2024.

MAAL HIJRAH DAN HARAPAN BAHARU UMAT ISLAM SARAWAK



Disediakan oleh: Mohamad Hanif bin Abudullah

Pada 27 Jun 2025, seusai solat Jumaat di Masjid Jamek Negeri Sarawak, Premier Sarawak YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg berkesempatan berkunjung ke konti TV IRIS sempena Festival Maal Hijrah 1447H, dan beliau berkesempatan berkongsi ucapan ringkas bersempena tahun baharu hijrah. Dalam perkongsian, Premier Sarawak mengajak seluruh umat Islam agar menjadikan konsep hijrah sebagai asas transformasi dari sudut spiritual, serta pembangunan dan kemajuan masyarakat Islam secara menyeluruh.

"Saya berharap dalam tahun baru ini umat Islam akan terus melakukan dan melaksanakan hijrah ke arah kebaikan, bukan sahaja dari sudut agama, bahkan dari sudut pembangunan seluruh umat Islam," ujar beliau.

Beliau turut menyentuh tentang inisiatif Kerajaan Sarawak dalam sektor pendidikan Islam, antaranya rancangan pembinaan sekolah antarabangsa Islam berdekatan masjid bagi mengintegrasikan pendidikan akademik dan tahfiz dalam suasana yang kondusif dan berteraskan nilai Islam.

Inisiatif ini diyakini akan melahirkan generasi Muslim yang bukan hanya fasih dalam membaca al-Quran, tetapi juga memahami isinya serta mampu meneroka bidang teknologi moden dan pertanian yang menjadi tonggak Sarawak menuju visi 2030.

Premier Sarawak turut menegaskan bahawa dalam menuju Sarawak Maju 2030, umat Islam perlu menjadi sebahagian daripada penyumbang utama kepada pembangunan negeri. Keterlibatan aktif dalam bidang berimpak tinggi seperti teknologi dan ekonomi hijau harus dimulai dari asas pendidikan dan kesedaran terhadap nilai-nilai Islam yang progresif.

"Saya berdoa agar masyarakat Islam akan terus memainkan peranan mereka," katanya penuh harapan.

Ucapan Premier Sarawak sempena Festival Maal Hijrah 1447H membawa mesej jelas bahawa hijrah bukan sekadar perubahan fizikal, tetapi pembinaan semula minda, nilai dan peranan dalam arus pembangunan.

Dengan hala tuju pendidikan Islam yang lebih dinamik dan peluang-peluang strategik yang sedang dirangka oleh kerajaan negeri, umat Islam Sarawak kini berada di ambang pembaharuan yang mampu memperkukuh kedudukan mereka sebagai penyumbang utama kepada tamadun masa depan negeri dan negara.



LEBIH 5,000 HADIR JAYAKAN FESTIVAL MAAL HIJRAH LAKMNS 2025

Pada 29 Jun 2025, Festival Maal Hijrah 1447H/2025M anjuran Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) melabuhkan tirainya dengan penuh warna-warni dalam satu majlis penangguhan yang berlangsung meriah di perkarangan Masjid Jamek Negeri Sarawak.

Majlis penangguhan diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat Datuk Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali yang mewakili Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Haji Fadillah Yusof, sebagai tanda sokongan padu terhadap usaha berterusan LAKMNS dalam memartabatkan institusi masjid sebagai pusat komuniti Islam moden.

Dalam ucapannya, Setiausaha Kehormat LAKMNS, Tan Sri Datuk Amar Haji Abdul Aziz bin Dato Husain menzahirkan penghargaan atas sambutan hangat yang diberikan masyarakat pelbagai lapisan terhadap festival ini yang berlangsung selama 10 hari. "Alhamdulillah, lebih 30 acara telah dianjurkan dengan penyertaan melebihi 5,000 orang dari pelbagai kategori dan latar belakang," katanya.

Festival yang diadakan saban tahun ini bukan sahaja menyemarakkan sambutan tahun baharu Hijrah, tetapi juga berfungsi sebagai platform inklusif untuk menyatukan masyarakat berbilang kaum dan agama. Dengan pengisian program yang merangkumi aspek kerohanian, kekeluargaan, kesukanan dan kepedulian sosial, ia menonjolkan fungsi masjid sebagai pusat pembangunan komuniti yang holistik.





"Penganjuran ini merupakan lambang penghayatan terhadap semangat hijrah Rasulullah SAW, bukan hanya dalam bentuk fizikal tetapi sebagai satu transformasi pemikiran dan sistem yang lebih menyeluruh," jelas beliau lagi.

Setiasaha Kehormat LAKMNS turut menyentuh pelaksanaan Pelan Jangka Panjang LAKMNS (Pelan ABC – Aman, Bahagia, Ceria) yang sedang giat dilaksanakan. Pelan ini memberi fokus kepada perkhidmatan, pembangunan sumber manusia, dan keterlibatan komuniti secara menyeluruh.

Dalam aspek kelestarian pula, LAKMNS kini giat memperluas penggunaan tenaga hijau di beberapa lokasi termasuk Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Sakinah. "Usaha ini selari dengan tuntutan Islam terhadap penjagaan alam sekitar dan mencerminkan inovasi dalam pengurusan masjid," tambahnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan festival ini termasuk penaja, rakan strategik, agensi kerajaan dan swasta, peserta serta masyarakat umum. Tidak ketinggalan, beliau mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS, Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Abang Julai dan seluruh warga kerja LAKMNS atas dedikasi dan komitmen tinggi mereka.

"Saya berharap semua usaha ini diterima sebagai amal soleh dan menjadi inspirasi kepada kita semua untuk terus memperkukuh peranan masjid dalam kehidupan masyarakat moden," katanya menutup ucapan.







MAKNA KORBAN

Di tanah sunyi, sejarah bermula,
Langkah Nabi menyulam setia,
Ismail redha, Ibrahim percaya,
Korban bukan sekadar nyawa.
Bukan darah yang Tuhan pinta,
Tapi ikhlas dari dada manusia,
Yang pasrah penuh dalam cinta,
Korban bukan hanya lembu dan kambing,
Tapi nafsu yang perlu dikekang,
Ego, tamak dan rasa bimbang,
Ditinggalkan demi redha yang menjulang,
Mengalir darah di bumi Mina,
Tanda taat yang tidak terHINGGA,
Kita di sini, walau tak serupa,
Masih punya peluang berkorban segala,
Korbankan masa demi keluarga,
Korbankan harta demi agama,
Korbankan lena untuk solat pertama,
Itulah makna korban sebenar rasa,
Aidiladha usah sekadar perayaan,
Tapi medan muhasabah dan pengorbanan,
Agar hidup ini bukan kesenangan semata,
Tetapi laluan menuju syurga-Nya.



KEMUDAHAN ATAU BEBAN KEWANGAN?

Disediakan oleh: Nurulzia binti Ibrahim

Dalam era digital yang serba pantas, cara kita berbelanja turut mengalami revolusi. Salah satu fenomena terbaru yang semakin mendapat perhatian ialah konsep Buy Now, Pay Later (BNPL). BNPL membolehkan pengguna membeli barangan atau perkhidmatan serta-merta dan membayarnya secara ansuran dalam tempoh tertentu tanpa faedah atau dengan kadar faedah yang rendah. Walaupun kelihatan menarik, adakah BNPL benar-benar memberi manfaat, atau ia sekadar beban kewangan yang tersembunyi?

Kaedah BNPL yang semakin popular bak cendawan tumbuh selepas hujan ini biasanya ditawarkan oleh syarikat kewangan atau kebanyakan platform e-dagang seperti Atome, Grab PayLater, Paypal, Boost, PayLater by Shopee dan banyak lagi. Semasa membuat pembelian, pengguna boleh memilih BNPL sebagai kaedah pembayaran dan membahagikan kos keseluruhan kepada beberapa ansuran. Tempoh pembayaran biasanya antara 3 – 36 bulan, bergantung kepada syarikat penyedia dan jumlah pembelian. Apa yang menjadikan BNPL popular adalah kerana proses yang mudah menggunakan aplikasi telefon bimbit tanpa keperluan dokumen yang rumit, tiada pemeriksaan kredit ketat, dan tiada faedah dikenakan jika pembayaran dibuat mengikut jadual.

KELEBIHAN BUY NOW, PAY LATER

a) Akses Mudah kepada Barangan atau Perkhidmatan.

BNPL memberikan pengguna peluang untuk membeli barangan yang mungkin sukar dicapai jika perlu membayar sekaligus. Ia amat berguna bagi mereka yang memerlukan barangan keperluan segera seperti peralatan elektronik atau perabot, tetapi tidak mempunyai wang tunai yang mencukupi.

b) Pengurusan Tunai Lebih Fleksibel.

Dengan BNPL, pengguna boleh merancang kewangan mereka dengan lebih baik kerana pembayaran dibahagikan kepada ansuran kecil. Ini membantu mereka mengekalkan aliran tunai bulanan tanpa perlu berhutang kad kredit dengan kadar faedah tinggi.

c) Tiada Faedah Jika Dibayar Tepat Masa.

Berbanding dengan kad kredit yang mengenakan faedah tinggi, BNPL biasanya tidak mengenakan sebarang faedah jika ansuran dibayar tepat pada masanya. Ini menjadikannya pilihan yang lebih menjimatkan bagi sesetengah pengguna.

RISIKO DAN KEKURANGAN BNPL

a) Kemungkinan Berbelanja Berlebihan.

Kemudahan pembayaran ansuran boleh mendorong pengguna untuk berbelanja lebih daripada kemampuan mereka. Ini boleh menyebabkan mereka terperangkap dalam kitaran hutang jika tidak menguruskan perbelanjaan dengan bijak.

b) Yuran Penalti Tinggi.

Walaupun tiada faedah dikenakan, kebanyakan penyedia BNPL mengenakan yuran penalti yang tinggi jika pengguna gagal membuat pembayaran tepat masa. Yuran ini boleh bertambah dan menjadi beban kewangan yang tidak dijangka.

c) Tiada Peningkatan Skor Kredit.

Berbanding pinjaman tradisional atau penggunaan kad kredit, pembayaran melalui BNPL biasanya tidak dilaporkan kepada biro kredit. Ini bermakna, walaupun anda membuat pembayaran tepat masa, ia tidak membantu meningkatkan skor kredit anda.

Secara kesimpulannya, *Buy Now, Pay Later* adalah kemudahan moden yang menawarkan fleksibiliti pembayaran kepada pengguna. Walaupun ia boleh menjadi alat pengurusan kewangan yang berguna, pengguna perlu berhati-hati dan bijak menggunakannya. Dengan pemahaman yang jelas dan kawalan perbelanjaan yang baik, BNPL boleh menjadi kemudahan yang bermanfaat tanpa menjadi beban kewangan.

Rujukan

1. https://en.wikipedia.org/wiki/Buy_now_pay_later
2. <https://www.paylater.com.my/>
3. <https://www.shco.my/buy-now-pay-later-in-malaysia/>
4. <https://www.kwsp.gov.my/en/w/article/buy-first-think-later>



KAUNSELING DALAM ISLAM

Gambar Hiasan

Disediakan oleh: Nur Athirah binti Nawawi

Menurut pandangan Imam Ghazali berkenaan kaunseling melalui pendekatan ayat al-Quran iaitu firman Allah SWT maksudnya, "Serulah ke jalan Allah dengan bijaksana dan peringatan yang baik, berbincanglah dengan mereka dengan cara yang baik" Surah An-Nahl ayat 125.

a) Cara bijaksana

Bijaksana sama ertinya dengan hikmah yang merangkumi keadilan, tahan marah, menolak kejahatan, menegaskan kebenaran dengan hujah yang berpandukan al-Quran.

b) Nasihat yang baik

Nasihat yang baik bermaksud memberikan ruang untuk seseorang berubah ke arah kebaikan (Kamus Dewan, 2002). Kebiasaannya, nasihat diungkapkan dengan menggunakan nada suara yang lemah lembut dan bukan dengan maki hamun.

c) Perbincangan yang terbaik

Maksud perbincangan yang terbaik dengan cara tidak menyinggung peribadi, menghina dan menjatuhkan martabat, Klien diperlukan untuk menyatakan isu atau masalah dan kaunselor akan membantu dalam membimbing klien dalam menyelesaikan masalahnya secara bersama.

Aspek-aspek spiritual manusia sangat jelas diterangkan dalam ayat al-Quran:

Maksudnya: "Dan barang siapa yang bertaqwa kepada Allah, maka ia akan memberikan kepadanya jalan keluar (dari kesulitan) dan akan memberinya rezeki yang tiada ia duga dari mana berasal " Surat At-Thalaq ayat 2-3

Definisi kaunseling mengikut perspektif Islam menurut Mohamed Sharif Mustafa (1998) telah merumuskan kaunseling Islam sebagai satu proses pengajaran dan pembelajaran untuk membantu individu atau kumpulan yang sedang menghadapi masalah psikologi dalam membuat keputusan dan dalam masa yang sama, membimbing mereka agar dapat menjalankan kehidupan yang berpandukan syariat Islam dan akhirnya memperolehi kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Dalam Islam, sikap positif dan ketabahan hati dalam menghadapi masalah mencerminkan keimanan. Beriman dengan Allah S.W.T menyembuhkan diri dan memberi rasa aman, tenteram (ketenangan) dan memelihara diri dari rasa bimbang dan penyakit jiwa. Sikap positif yang ada pada diri seseorang individu akan memberi kesan kepada orang sekelilingnya, jika baiknya sikap seseorang antara satu sama lain maka kesannya akan membawa kepada persekitaran yang sihat dan sejahtera.

Antara cara yang boleh diaplikasi untuk mengatasi masalah dalam kaunseling Islam ialah,

1. Solat

Solat mempunyai rahsia-rahsia kebatinan yang dapat membina ketenteraman. Menurut kesimpulan beberapa kajian sarjana barat juga, secara saintifiknya solat merupakan satu tempoh masa 'aman dan damai' di mana seluruh tubuh dan minda seseorang berfokus kepada sesuatu iaitu Allah SWT. Gerakan-gerakan dan keadaan minda dalam solat berupaya menghalang pengaliran keluar hormon-hormon seperti *Cortisol*, *Epinephrine* dan *Neropinephrine* daripada kelenjar adrenalin yang bertindak balas terhadap sebarang tekanan. Selain itu juga, solat merupakan intervensi positif terhadap sistem pernafasan, aliran oksigen dalam badan, degupan jantung serta gelombang otak.

2. Puasa

Puasa dapat melatih mendisiplinkan diri dan membina kesabaran serta menahan diri daripada hawa nafsu. Puasa juga dapat memberi kesan dan kelebihan dari sudut psikologi. Berpuasa dapat memberi ketenangan dan kedamaian pada minda, dipercayai ia berkaitan dengan paras gula dalam darah yang semakin stabil. Semasa berpuasa kita juga digalakkan memperbanyakkan amalan membaca al-Quran yang bukan sahaja memberi ketenangan kepada minda dan jiwa, malah dapat meningkatkan keupayaan memori.

Dari perspektif ilmu psikologi dan kesihatan mental, kemampuan mengendalikan diri adalah merupakan indikasi utama kesihatan seseorang. Seseorang yang sihat psikologi dan jiwanya akan memiliki tingkat kemampuan mengendali diri yang baik, sehingga terhindar dari berbagai gangguan psikologi. Sekiranya pengendalian diri seseorang terganggu, maka akan timbul berbagai reaksi pathologi dalam pikiran (*cognition*), perasaan (*affection*) dan perilaku (*psikomotor*).

3. Zikir, doa dan istighfar

Menurut Kamus Dewan, zikir umumnya merupakan perbuatan mengingat Allah SWT dengan menyebut atau mengucapkan kalimah tayyibah seperti Astaghfirullah, Allah Akbar, La ilaha illa Allah sama ada dengan lida (secara kuat) atau dalam hati (secara senyap) secara berulang kali. Istighfar, membaca al-Quran, selawat ke atas nabi, doa serta solat termasuk juga dalam konsep zikir (Kamus Dewan, 2005). Pengamalan zikir secara sempurna, berterusan dan dengan penuh keikhlasan boleh menjadi penawar yang mujarab untuk segala penyakit rohani dan jasmani. Penyakit kanser dan saraf contohnya terbukti dapat disembuhkan dengan kekuatan mengamalkan zikir secara konsisten dan teratur (Musthofa 2013). Zikir menjadikan diri seseorang sentiasa tertumpu kepada Allah serta mengalihkan hatinya dari perkara yang tidak berfaedah, juga mencegahnya dari memberi perhatian kepada perkara-perkara yang dilarang oleh Allah. Zikir juga memberikan ketenangan kepada seseorang dan ketenangan ini merupakan keperluan untuk manusia bagi menghadapi kesusahan dan kesulitan. Zikir memberikan ketenangan, kepercayaan kepada diri, kelegaan dan damai. Hal ini telah dijelaskan oleh Allah melalui firmanNya:

Maksudnya : (Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia. (Al-Ra'd :28)

Rujukan:

https://eprints.utm.my/12258/1/MohamedSharifMustaffa1998_KaunselingIslam.pdf
<https://gerbangilmukaunseling.blogspot.com/2012/12/kaunseling-dari-perpektif-islam.html>
<https://seputihsyahadah.blogspot.com/2011/01/intervensi-solat-dalam-kaunseling-2.html>
https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2014/KELEBIHAN_BERPUASA_DARI_SUDUT_PSIKOLOGI.pdf
<file:///C:/Users/Naziefah/Downloads/67-Article%20Text-120-1-10-20210204.pdf>

Gambar Hiasan



Gambar Hiasan

JENIS-JENIS PENYELENGGARAAN BANGUNAN

Disediakan oleh: Muhammad Hafiz Fadilah bin Bahar

Penyelenggaraan bangunan boleh dibahagikan kepada beberapa jenis, bergantung pada tujuan dan kekerapannya. Setiap jenis memainkan peranan penting dalam memastikan bangunan berfungsi dengan baik dan selamat untuk digunakan. Berikut adalah jenis-jenis penyelenggaraan:

1. PENYELENGGARAAN RUTIN

Penyelenggaraan rutin melibatkan aktiviti harian atau mingguan yang bertujuan untuk memastikan kebersihan dan fungsi asas bangunan. Ini termasuk pembersihan kawasan dalaman dan luaran, pemeriksaan sistem keselamatan, serta penyelenggaraan landskap. Contohnya, longkang perlu dibersihkan secara berkala bagi mengelakkan air bertakung yang boleh menyebabkan banjir atau pembiakan nyamuk. Selain itu, sistem pencahayaan perlu diperiksa untuk memastikan semua lampu berfungsi dengan baik bagi mengelakkan keadaan yang tidak selamat.

Selain itu, penyelenggaraan rutin juga merangkumi penyelenggaraan kecil pada peralatan seperti penghawa dingin dan pam air. Sekiranya aspek rutin ini tidak dijaga, ia boleh menyebabkan ketidakelesaan kepada penghuni dan meningkatkan risiko kerosakan yang lebih besar pada masa hadapan.

2. PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN

Penyelenggaraan pencegahan dilakukan secara berkala untuk mengelakkan kerosakan yang lebih besar. Ia melibatkan pemeriksaan dan servis berkala terhadap sistem bangunan, termasuk sistem elektrik, perpaipan, penghawa dingin, dan bumbung. Contohnya, servis berkala sistem elektrik dapat mengelakkan masalah seperti litar pintas yang boleh menyebabkan kebakaran.

Selain itu, pemeriksaan berkala pada bumbung dapat mengesan keretakan atau kebocoran sebelum menjadi masalah besar yang boleh menyebabkan kerosakan dalaman. Begitu juga, sistem pemadam api dan alat keselamatan lain harus diuji dari semasa ke semasa bagi memastikan ia berfungsi dengan baik dalam situasi kecemasan.

3. PENYELENGGARAAN KECEMASAN

Penyelenggaraan kecemasan dilakukan apabila berlaku kerosakan yang tidak dijangka dan memerlukan tindakan segera. Kerosakan seperti kebocoran paip, gangguan bekalan elektrik, atau kegagalan sistem penghawa dingin memerlukan penyelesaian segera untuk mengelakkan kesan yang lebih serius.

Sebagai contoh, kebocoran paip boleh menyebabkan pembaziran air dan merosakkan struktur bangunan jika tidak dibaiki segera. Jika sistem elektrik rosak, ia boleh menyebabkan gangguan kepada penghuni atau pekerja dalam bangunan. Oleh itu, satu pasukan penyelenggaraan yang cekap dan bersedia untuk bertindak segera amat diperlukan dalam memastikan gangguan dapat diminimumkan.

4. PENYELENGGARAAN PEMULIHAN

Penyelenggaraan pemulihan melibatkan kerja-kerja pembaikan berskala besar bagi memulihkan bangunan yang telah mengalami kerosakan teruk. Ini sering dilakukan selepas bencana alam seperti banjir, gempa bumi, atau kebakaran. Dalam kes seperti ini, struktur bangunan mungkin telah terjejas dan memerlukan pemulihan menyeluruh bagi memastikan keselamatan dan fungsi bangunan dapat dikembalikan.

Selain itu, penyelenggaraan pemulihan juga melibatkan penggantian komponen utama bangunan seperti bumbung, sistem perpaipan, atau pendawaian elektrik yang telah rosak teruk. Proses ini memerlukan perancangan yang teliti serta bajet yang mencukupi bagi memastikan kerja pembaikan dapat dilakukan dengan berkesan.

Kesimpulannya, setiap jenis penyelenggaraan bangunan memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan, fungsi, dan keselesaan bangunan. Penyelenggaraan rutin dan pencegahan dapat mengurangkan risiko kerosakan yang lebih besar, manakala penyelenggaraan kecemasan dan pemulihan memastikan bangunan dapat kembali berfungsi dengan baik selepas berlakunya kerosakan. Oleh itu, pemilik dan pengurus bangunan harus memastikan setiap aspek penyelenggaraan ini dilaksanakan secara sistematik bagi memastikan bangunan kekal dalam keadaan baik dan berdaya tahan untuk jangka masa panjang.



Gambar Hiasan

RADIO DAN REVOLUSI ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) : ANCAMAN ATAU PELUANG?

Disediakan oleh: Farah Farina binti Hosien

Dalam era teknologi yang semakin pesat, kecerdasan buatan (AI) menjadi topik hangat yang membentuk semula pelbagai industri termasuk industri radio. Dahulu, radio bergantung sepenuhnya kepada tenaga manusia iaitu penyampai, jurutera audio, penyusun rancangan dan lain-lain. Namun hari ini, AI mula mengambil alih sebahagian peranan ini dengan keupayaan yang lebih cekap, pantas dan kos efektif.

Salah satu contoh nyata ialah penggunaan DJ suara sintetik, yang mampu menyampaikan berita, memutar lagu dan berinteraksi secara asas dengan pendengar tanpa rehat, tanpa gaji. Selain itu, sistem AI kini boleh menganalisis trend muzik, memilih lagu berdasarkan cita rasa pendengar, serta mengurus jadual siaran secara automatik. Ini meningkatkan kecekapan operasi stesen radio, khususnya yang berskala kecil. Namun, kemajuan ini turut menimbulkan persoalan besar: adakah AI akan menggantikan manusia sepenuhnya dalam bidang ini? Tugas penyampai radio bukan sekadar membaca skrip, malah mereka membawa personaliti, empati, dan keterhubungan emosi yang sukar ditiru oleh mesin. AI boleh meniru suara, tetapi tidak boleh meniru "jiwa" penyampai sebenar.

Dari sudut lain, AI boleh menjadi alat yang membantu penyampai dan kru produksi dengan menjimatkan masa dan kos. Dari sudut lain, ia juga berpotensi menjadi ancaman kepada peluang pekerjaan, terutama bagi golongan baharu dalam industri. Justeru, penting bagi penggiat radio untuk menyesuaikan diri dengan mempelajari teknologi baru, dan mencari cara untuk bekerjasama dengan AI.



Gambar Hiasan

Dalam konteks bidang radio pula, persoalan serupa timbul sejauh mana AI boleh menandingi kreativiti dan ekspresi manusia. Meskipun AI membuka peluang dan ruang inovasi yang luas, ia juga menghadirkan ancaman terhadap perkembangan murni serta kreativiti asli dalam pengkaryaan. Keterbatasan daripada AI terhadap nilai-nilai puitis, estetika dan naluri manusia sukar menandingi kreativiti minda manusia. Ini membangkitkan perdebatan tentang sejauh mana teknologi patut diberi ruang dalam bidang yang memerlukan sentuhan emosi dan personaliti.

Tambahan pula, AI membuka peluang baharu untuk mencipta pengalaman radio yang lebih peribadi dan interaktif. AI juga mampu mencadangkan kandungan yang relevan, menghasilkan *playlist* khas dan juga mengatur perbualan berdasarkan minat pengguna. Ini menjadikan siaran lebih menarik dan disesuaikan mengikut kehendak audiens masa kini yang semakin celik digital.

Namun begitu, aspek etika penggunaan AI juga perlu diberi perhatian. Ketelusan dalam penggunaan suara sintetik, privasi data pendengar, dan tanggungjawab terhadap kandungan yang dijana oleh algoritma harus dikawal dengan jelas. Tanpa garis panduan yang tegas, terdapat risiko penyalahgunaan teknologi yang boleh menjejaskan kredibiliti dan integriti industri radio.

Kesimpulannya, AI bukan semestinya musuh. Ia boleh menjadi peluang untuk memperbaharui kandungan, memperluas capaian dan meningkatkan efisiensi. Yang penting, manusia tetap memainkan peranan utama dalam mengekalkan nilai-nilai kemanusiaan dalam penyiaran. Revolusi AI adalah realiti dan terpulang kepada kita sama ada mahu menolaknya atau menggunakannya sebagai batu loncatan ke arah masa depan radio yang lebih dinamik.



BERDAMAI DENGAN TAKDIR

Disediakan oleh: Muhammad Nur Izzat bin Muas

Sebagai seorang Islam, wajib bagi kita untuk berpegang pada rukun iman. Salah satu rukun iman yang wajib untuk kita pegang dan faham adalah beriman kepada qada' dan qadar. Setiap manusia mempunyai takdirnya tersendiri yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Sama ada takdir tersebut baik mahupun buruk. Kesemuanya adalah merupakan qada' dan qadar Allah SWT.

Takdir ataupun qadar adalah ketetapan Allah SWT ke atas segala sesuatu yang terjadi di alam semesta ini, termasuk apa yang terjadi dalam kehidupan manusia. Semua perkara tersebut telah tertulis di Luh Mahfuz sejak sebelum manusia diciptakan. Ianya terdapat di dalam surah al-Qamar ayat 49 yang bermaksud, **"Sesungguhnya Kami menciptakan segala sesuatu menurut takdir"**. Oleh itu, untuk kita menerima takdir dengan sebaik mungkin adalah dengan redha terhadap semua ketentuan yang telah diatur oleh Allah dengan penuh keikhlasan. Perkara ini bukanlah menandakan kita pasrah tanpa berusaha, akan tetapi setelah berusaha, maka kita akan menerima seadanya tanpa ada rasa keluh kesah terhadap apa yang Allah SWT tentukan. Rasulullah SAW bersabda, **"Barangsiapa yang redha, maka Allah akan meredhainya, dan barang siapa yang murka, maka Allah akan murka kepadanya."** (Hadith Riwayat Termidzi)

Takdir Allah sentiasa mempunyai hikmah di sebaliknya, kadang-kadang sukar untuk kita faham. Musibah, kegagalan, atau ujian hidup ini adalah cara Allah SWT mendidik kita dan menghapuskan dosa kita. Demikian itu, inilah cara kita untuk sentiasa berdamai dengan takdir yang Allah telah tentukan.



Gambar Hiasan



Gambar Hiasan

Kesimpulannya, berdamai dengan takdir ini adalah satu tanda untuk kita menerima dengan ikhlas segala ketentuan Allah SWT. Wajib bagi kita untuk meyakini bahawa setiap kejadian adalah sebahagian dari perancangan Allah SWT yang penuh dengan hikmah. Setelah berusaha bersungguh-sungguh dalam menghadapi ujian maka tawakal mengiringi segala usaha kita. Allah SWT mengetahui apa yang terbaik untuk hambaNya, walau sukar untuk kita fahami apa yang Allah berikan kepada kita. Setiap ujian dan nikmat adalah sebahagian dari rancangan Allah SWT yang sempurna. Apa yang Allah kehendaki pasti terjadi, dan apa yang Dia tidak kehendaki tidak akan pernah terjadi.



HIJRAH DAN KEPIMPINAN

Disediakan oleh: Mohamad Hanif bin Abudullah

1 Muharram setiap tahun menjadi tarikh yang dinanti-nantikan umat Islam seluruh dunia bagi merayakan satu peristiwa besar dalam takwim Islam. Hijrah Rasulullah SAW sejauh 1447 tahun yang lalu boleh dianggap sebagai pembuka pintu kepada bangkitnya sebuah peradaban yang memimpin dunia.

Peristiwa hijrah bukan sekadar perpindahan fizikal Rasulullah SAW dan para sahabat dari Mekah ke Madinah, tetapi ia boleh disimpulkan sebagai satu perancangan strategik dalam pembangunan masyarakat Islam secara komprehensif. Ia menandakan permulaan kepada pembentukan negara Islam yang berdaulat, berasaskan prinsip keadilan, kesamarataan, dan kedaulatan undang-undang yang berpaksikan wahyu Allah.

Peristiwa Hijrah sesungguhnya mempamerkan kecemerlangan kepimpinan Rasulullah SAW. Baginda bukan sahaja menjadi pemimpin spiritual tetapi juga negarawan yang bijaksana. Perancangan hijrah yang rapi, pemilihan sahabat-sahabat tertentu, penyusunan logistik perjalanan dan kerahsiaan operasi menunjukkan tahap perancangan strategik yang tinggi suatu ciri penting dalam kepimpinan moden.

Setibanya di Madinah, Rasulullah SAW terus mengukuhkan asas-asas pemerintahan Islam. Pembinaan Masjid Nabawi menjadi simbol kepada pusat aktiviti masyarakat, bukan sahaja sebagai tempat ibadah tetapi juga sebagai pusat pemerintahan, pendidikan, perundangan dan pertemuan diplomatik. Langkah ini jelas menggambarkan wawasan dan keutamaan kepimpinan dalam membina struktur masyarakat yang kukuh.

Satu lagi bukti kecemerlangan kepimpinan Rasulullah SAW adalah penggubalan Piagam Madinah, yang menjadi perlembagaan bertulis pertama di dunia yang mengiktiraf kepelbagaian kaum dan agama dalam satu sistem kenegaraan. Prinsip keadilan, perlindungan hak minoriti dan semangat hidup harmoni dirangkum dalam dokumen tersebut.

Piagam ini adalah cerminan bagaimana kepimpinan Islam tidak bersifat eksklusif, tetapi merangkumi semua lapisan masyarakat dengan semangat keadilan sejagat. Nilai-nilai ini kekal relevan dalam konteks masyarakat majmuk seperti Malaysia hari ini.

Peristiwa hijrah terus menjadi inspirasi kepada barisan kepimpinan umat Islam dalam mendepani cabaran semasa. Kepimpinan bukan sekadar suatu proses penyampaian arahan, tetapi ia adalah suatu proses yang komprehensif, yang menjadikan elemen-elemen seperti kebijaksanaan, keberanian dan kesederhanaan sebagai tunjang utama yang menzahirkan keadilan.

Dalam konteks negeri Sarawak khususnya, kepimpinan yang ditunjukkan dalam pembangunan institusi masjid seperti yang diketengahkan melalui Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) membuktikan bahawa model hijrah ini terus dihayati serta dipraktikkan. Masjid bukan lagi sekadar tempat solat, tetapi menjadi wadah kepada pembinaan komuniti, pemerkasaan ekonomi, pendidikan dan kelestarian alam sekitar.

Hijrah bukan hanya peristiwa sejarah, tetapi satu konsep hidup yang menyeluruh. Ia mengajak kita untuk berubah dari kelemahan kepada kekuatan, dari perpecahan kepada perpaduan, dan dari kejudaman kepada kecemerlangan. Dalam dunia yang serba mencabar hari ini, kita memerlukan lebih ramai pemimpin yang berhijrah daripada cara fikir lama kepada pendekatan baharu yang lebih inklusif, progresif dan berteraskan nilai.

Hijrah adalah lambang kepimpinan yang membawa rahmat. Maka, marilah kita mengambil inspirasi daripada semangat hijrah Rasulullah SAW untuk terus membina masyarakat yang adil, berilmu dan bersatu demi masa depan umat yang gemilang.

PINDAAN ORDINAN BURUH SARAWAK 2025

Disediakan oleh: Nusrin binti Mohamad Idris

Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2025 [Akta A1754] telah mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2025, menandakan langkah penting ke arah penyeragaman dasar perburuhan antara Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Pindaan ini sekali gus memperluaskan skop perlindungan pekerja serta memperkenalkan peruntukan baharu sejajar dengan *standard* antarabangsa dan keperluan semasa para pekerja di Sarawak.

Antara pindaan utama yang diperkenalkan adalah seperti berikut:

1. Peluasan Skop Perlindungan Pekerja

Pemakaian Ordinan kini diperluaskan kepada semua pekerja tanpa mengira had gaji dan jenis pekerjaan, berbanding had terdahulu hanya dihadkan kepada pekerja bergaji tidak melebihi RM2,500 sebulan dan pekerja di bawah jadual sahaja. Ini adalah selari dengan pendekatan inklusif dalam Akta Kerja 1955 [Akta 265].

2. Bayaran Kerja Lebih Masa

Bayaran kerja lebih masa, yang mana pekerja bekerja pada hari kelepasan dan hari rehat dihadkan kepada pekerja bergaji yang tidak melebihi RM4,000.00 sebulan, berbanding yang terdahulu yang mana ia dihadkan kepada pekerja bergaji di bawah RM2,001.00 sebulan.

3. Pengurangan Waktu Kerja Maksimum Mingguan

Waktu kerja maksimum dikurangkan ke 45 jam seminggu, berbanding waktu kerja yang sebelumnya iaitu 48 jam seminggu. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan keseimbangan kerja dan kehidupan.

4. Cuti Bersalin dan Cuti Paterniti

Tempoh cuti bersalin ditingkatkan kepada 98 hari, berbanding sebelumnya iaitu 60 hari. Manakala cuti paterniti selama tujuh (7) hari berbayar kepada bapa juga diperkenalkan buat pertama kalinya. Cuti paterniti ini diberikan sehingga lima kali tempoh berpantang tanpa mengira jumlah pasangan.

5. Pengasingan Cuti Sakit dan Cuti Hospitalisasi

Sebelum ini, cuti sakit dan cuti hospitalisasi disatukan kepada 14 hari cuti sakit dan 46 hari cuti hospitalisasi yang menjadikan jumlah keseluruhannya 60 hari. Selepas pindaan, para pekerja kini berhak mendapatkan 14 hari atau 22 hari cuti sakit (bergantung dengan tempoh perkhidmatan) dan cuti sakit dengan penghospitalan secara berasingan sehingga 60 hari.



Gambar Hiasan



Gambar Hiasan

6. Hari Kelepasan Wajib

Sebelum ini, hari kelepasan wajib adalah 4 hari iaitu Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, Hari Jadi Yang Di-Pertua Negeri Sarawak dan Hari Pekerja. Selepas pindaan, hari kelepasan wajib ditambah dua hari iaitu Hari Malaysia dan Hari Kemerdekaan Sarawak.

7. Penalti Am Melanggar Peruntukan Ordinan

Sebelum ini Penalti Am untuk kesalahan melanggar peruntukan Ordinan adalah tidak melebihi RM10,000.00. Selepas pindaan, Penalti Am ini dinaikkan kepada tidak melebihi RM50,000.00.

8. Peruntukan Perlindungan Tambahan

Pindaan 2025 ini juga memperkenalkan peruntukan berkenaan dengan larangan diskriminasi dalam pekerjaan, larangan buruh paksaan, gangguan seksual di tempat pekerjaan, senarai kerja yang tidak dibenarkan kepada kanak-kanak yang berumur kurang daripada 13 tahun, dan orang muda yang belum mencapai umur 18 tahun, melalui Jadual Kedua dan Senarai Kerja Berbahaya yang tidak dibenarkan kepada kanak-kanak dan orang muda melalui Jadual Ketiga selaras dengan piawaian Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Pekerja juga boleh memohon untuk bekerja secara fleksibel melalui Aturan Kerja Fleksibel.



Implikasi Pelaksanaan

Pindaan ini memberi manfaat kepada lebih 1.46 juta pekerja di Sarawak dengan memperkukuh hak mereka serta meningkatkan keharmonian industri. Pihak berkuasa memainkan peranan penting dalam memantau dan menyelaraskan pelaksanaan peruntukan pindaan ini agar industri seperti Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dapat melaksanakannya meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2025 mencerminkan komitmen kerajaan terhadap perlindungan menyeluruh kepada pekerja serta penyelarasan dasar buruh di Malaysia. Kejayaan pelaksanaannya bergantung kepada kerjasama erat serta pertimbangan antara kerajaan, majikan, dan pekerja.

Senarai Rujukan

1 Skrine Advocates & Solicitors. Sara Lau and Agnes Teh Ying Ying. 1905.2025. Labour Ordinance Overhaul in East Malaysia: Bridging Legal Gaps With Peninsular Standards. <[2 Ordinan Buruh Sarawak \(Pindaan\) 2025 \[Akta A1754\], Klausula 3\(a\)\(viii\). Pindaan Seksyen 2.](https://www.skrine.com/insights/alerts/may-2025/labour-ordinance-overhaul-in-east-malaysia-bridgin#:~:text=The%20long%20awaited%20reforms%20to%20the%20Sabah%20Labour,equal%20rights%20and%20welfare%20for%20employees%20nationwide.>></p>
</div>
<div data-bbox=)

3 Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2025 [Akta A1754], Klausula 73. Penggantian Jadual.

4 Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2025 [Akta A1754], Klausula 34(b). Pindaan Seksyen 105.

5 Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2025 [Akta A1754], Klausula 24 Pindaan Seksyen 84 & Klausula 38. Seksyen Baharu 105EA.

6 Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2025 [Akta A1754], Klausula 37. Pindaan Seksyen 105E.

7 Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2025 [Akta A1754], Klausula 33(a). Pindaan Seksyen 104.

8 Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2025 [Akta A1754], Klausula 69. Penggantian Seksyen 130M.

9 Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2025 [Akta A1754], Klausula 15. Seksyen Baharu 19A dan 19B & Klausula 13. Bab Baharu IIIA.

10 Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2025 [Akta A1754], Klausula 18. Seksyen Baharu 71A.

11 Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2025 [Akta A1754], Klausula 19. Pindaan Seksyen 73.

12 Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2025 [Akta A1754], Klausula 74. Jadual Baharu Kedua & Ketiga.

13 Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2025 [Akta A1754], Klausula 51. Bab Baharu XIVB.

14 The Borneo Post. Jude Toyat. 12.12.2024. Sarawak Labour Ordinance (Amendment) Bill Passed, Ending 20-year 'injustice' Faced by Workers, says Minister. <<https://www.theborneopost.com/2024/12/12/sarawak-labour-ordinance-amendment-bill-passed-ending-20-year-injustice-faced-by-workers-says-minister/>>

MASJID SEBAGAI TERAS PEMBANGUNAN UMMAH: INSPIRASI DARI FESTIVAL MAAL HIJRAH 1447H

Disediakan oleh: Mohamad Hanif bin Abudullah

Festival Maal Hijrah 1447H/2025M anjuran Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah melabuhkan tirainya dengan satu majlis penangguhan yang disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Beliau diwakili oleh Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Undang-undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan), Yang Berhormat Datuk Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali. Acara tahunan ini sekali lagi membuktikan bahawa institusi masjid mampu berperanan melangkaui ruang ibadah, dan menjadi teras kepada pembangunan masyarakat Islam yang holistik.



Dalam teks ucapannya yang dibacakan oleh Datuk Sharifah Hasidah, YAB Timbalan Perdana Menteri merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada LAKMNS atas kejayaan menganjurkan festival ini dengan pendekatan yang segar dan kontemporari. Gabungan elemen ilmu, dakwah, hiburan berinformasi (*infotainment*), serta keterlibatan masyarakat pelbagai lapisan telah menjadikan festival ini satu platform yang inklusif, menyemarakkan semangat ukhuwah dan syiar Islam.

Keupayaan LAKMNS mengurus institusi masjid dengan pendekatan dinamik dan inovatif dianggap sebagai manifestasi kepada kebijaksanaan dalam menyesuaikan keperluan rohani umat Islam dengan tuntutan zaman moden. Usaha ini bukan sekadar mengekalkan fungsi masjid sebagai pusat ibadah, malah memperluaskan peranannya sebagai pusat pendidikan, sosial, kebajikan dan pemerkasaan komuniti.



Mengimbas kembali makna hijrah Rasulullah SAW, Timbalan Perdana Menteri menekankan bahawa antara tindakan pertama Baginda sebaik tiba di Madinah ialah membina Masjid Quba' dan seterusnya Masjid Nabawi. Ini memperlihatkan bahawa masjid adalah institusi teras kepada transformasi sosial dan pentadbiran masyarakat Islam. Justeru, umat Islam di Sarawak dan seluruh negara digesa untuk terus menjadikan masjid sebagai pusat kecemerlangan ilmu, penyatuan ummah dan pembinaan akhlak generasi masa depan.

Beliau turut menyeru agar seluruh masyarakat Islam terus memberi sokongan aktif terhadap segala program yang dianjurkan oleh masjid. Masjid harus dijadikan medan kebajikan, pusat rujukan komuniti serta tempat memperkukuh ukhuwah dan nilai murni. Dalam konteks ini, LAKMNS disaran agar terus beristiqamah dalam menganjurkan program-program yang mampu membina jati diri umat serta memperkukuh kedudukan institusi masjid dalam masyarakat moden.

Festival Maal Hijrah kali ini jelas mengangkat semula peranan masjid dalam kehidupan umat Islam bukan sekadar sebagai tempat solat, tetapi sebagai nadi pembangunan masyarakat yang seimbang dari sudut spiritual, intelek, sosial dan fizikal. Semoga segala usaha yang dicurahkan oleh LAKMNS dan sokongan masyarakat akan terus diberkati, menjadi amal jariah dan contoh teladan kepada masjid dan surau lain di seluruh negara, khususnya di Sarawak.

TAQWA : KUNCI HATI YANG TENANG

Disediakan oleh: Nursyafiqah binti Sulaiman

Takwa adalah sikap hati yang selalu sedar akan keberadaan Allah. Ia menjaga kita untuk melaksanakan apa yang Allah perintahkan, serta menjauhi apa yang Allah larang, samada dalam keadaan terang-terangan mahupun tersembunyi.

Allah SWT berfirman:

Maksudnya : “Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa itu berada dalam taman-taman (syurga) dan mata air-mata air, (sambil mengambilnya) apa yang diberikan Tuhan mereka kepada mereka. Sesungguhnya mereka sebelum itu (di dunia) adalah orang-orang yang berbuat kebaikan.”

(QS. Adz-Dzariyat: 15-16)

Dalam Islam, ketenangan hati disebut sebagai “sakinah” iaitu ketenangan, kedamaian dan kestabilan emosi yang Allah campakkan ke dalam hati orang beriman. Firman Allah SWT dalam al-Quran di dalam Surah al-Fath ayat 41 :

Maksudnya : “Dialah yang menurunkan ketenangan (sakinah) ke dalam hati orang-orang yang beriman supaya keimanan mereka bertambah bersama keimanan yang sedia ada”

Takwa menenangkan hati kerana ia menghubungkan manusia langsung dengan Sang Pencipta. Orang yang bertakwa percaya bahawa apapun yang terjadi adalah sebahagian dari takdir Allah, dan semua pasti ada hikmahnya. Ia tidak mudah panik, tidak iri dengan dunia orang lain, dan tidak takut masa depan, kerana ia yakin Allah selalu bersama orang yang bertakwa.

Allah SWT berjanji dalam al-Quran bahawa ketakwaan adalah jalan keluar daripada kesempitan dan sumber ketenangan:

Maksudnya : “Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar. Dan memberinya rezeki dari jalan yang tidak disangka-sangka”
(Surah At-Talaq: 2-3)

Ciri-Ciri Orang Yang Bertakwa

- Beriman kepada Allah dan perkara ghaib
- Menunaikan solat dengan khushuk dan sempurna
- Membelanjakan harta di jalan Allah (bersedekah)
- Berpegang teguh kepada al-Quran dan Wahyu
- Takut akan pengawasan Allah
- Menjaga hubungan dengan manusia
- Menjaga lisan dan perbuatan
- Redha dengan takdir, tidak merungut
- Sabar dalam ujian, tidak menyalahkan sesiapa
- Bersyukur dengan nikmat, tidak angkuh
- Menjauhi maksiat
- Cepat bertaubat apabila melakukan kesilapan
- Menjauhi perkara syubhah dan haram



Gambar Hiasan

HATI YANG TENANG

Dekat dengan Allah
Sabar dan redha
Bersyukur walau sedikit
Suka memaafkan
Percaya rezeki ditentukan Allah

HATI YANG GELISAH

Lalai dalam mengingat Allah
Cepat marah dan putus asa
Tidak puas dengan apa yang ada
Suka berdendam atau membalas
Sering membandingkan dengan orang lain

Takwa adalah benteng hati yang kukuh. Ia menenangkan dalam gelisah, menguatkan dalam lemah, dan menerangi jalan saat dunia terasa gelap. Bila hati ingin tenang, maka perbaikilah dan dekatkanlah hubungan kita kepada Allah SWT. Allah SWT berfirman:

**“Ketahuilah, dengan mengingat Allah, hati menjadi tenang.”
(Surah ar-Ra’d: 28)**

PENCEGAHAN: SCAMMER PEROSAK BANGSA DAN MASYARAKAT

Disediakan oleh Yusuf bin Mohamad Nassir

Teknologi yang semakin canggih dari masa ke semasa memberi impak penting khususnya dalam memudahkan kerja harian manusia. Namun dengan peningkatan sistem teknologi ini ada pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan atas peluang yang ada pada masa ini. Penyalahgunaan kuasa dengan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk mendapatkan wang juga adalah salah satu jenayah scam yang turut dititikberatkan dalam artikel ini.

Scammer adalah panggilan yang tidak asing bagi individu yang tidak bertanggungjawab menggunakan peluang sistem teknologi dan kedudukan untuk menipu mangsa khususnya penipuan untuk mendapatkan wang. Modus operandi mereka adalah menggunakan sentimen simpati, peribadi atau mana-mana cara yang dapat mempengaruhi mangsa untuk percaya kepada mereka agar mengalihkan wang peribadi mereka kepada scammer tersebut.

Merujuk kepada scam melalui sistem teknologi, terkini scammer menggunakan applikasi yang sering digunakan oleh mangsa seperti *Whatsapp*, internet dan juga media sosial di mana terdapat "link" yang sekiranya mangsa layari atau akses akan menyebabkan maklumat peribadi atau peranti yang digunakan oleh mangsa dapat diceroboh oleh scammer. Dengan maklumat yang diperolehi daripada teknik yang digunakan oleh scammer ini, maklumat peribadi seperti perbankan dapat diakses dan akan menyebabkan kerugian kepada mangsa akibat kehilangan duit yang disimpan dalam sistem perbankan masing-masing.

Kaedah lain scam yang digunakan adalah melalui panggilan telefon di mana mangsa akan dituduh melakukan kegiatan jenayah dan scammer akan menggunakan elemen peribadi untuk memperdayakan mangsa, contohnya merujuk kepada laporan daripada Buletin TV3 iaitu kejadian melibatkan seorang pensyarah berumur 44 tahun telah ditipu oleh seorang individu yang memperkenalkan dirinya sebagai pegawai platform e-dagang dan juga seorang mengaku sebagai seorang anggota Polis.



Gambar Hiasan

Dalam kes tersebut, mangsa telah dimaklumkan yang nombor telefon beliau telah digunakan untuk aktiviti penipuan pada 30 April 2025 lalu. Mangsa juga telah dimaklumkan pada masa yang sama bahawa beliau telah dilaporkan kepada pihak Polis dan dituduh terlibat dengan kegiatan pemalsuan dokumen dan pengubahan wang haram. Mangsa turut dimaklumkan akan dipenjarakan dan disebat dan untuk mengelak daripada tuduhan, mangsa telah kehilangan wang sebanyak RM249,000.00 yang dilakukan dengan pemindahan perbankan kepada akaun berbeza untuk mengelak daripada sebarang pertuduhan.

Oleh itu, sikap berwaspada dan juga sentiasa peka dengan keadaan semasa amat penting kepada orang awam supaya tidak menjadi mangsa kepada scammer yang semakin berleluasa ini. Maklumat yang disalurkan oleh pihak berwajib seperti PDRM dan juga agensi-agensi penguatkuasa yang cuba membendung aktiviti scammer ini haruslah disebarluaskan sebagai usaha untuk mengelakkan lebih ramai orang yang akan menjadi mangsa.

Dengan mengambil pendekatan ini, kita dapat bersama-sama menjamin keselamatan diri, harta benda, dan persekitaran kita dan juga ahli keluarga serta masyarakat sekeliling.



Gambar Hiasan

KERJA SEBAGAI IBADAH: MENELUSURI KONSEP KERJA DALAM ISLAM

Disediakan oleh: Mohamad Hanif bin Abudullah

Setiap tahun, tanggal 1 Mei diraikan sebagai Hari Pekerja di seluruh dunia. Ia adalah hari memperingati dan menghargai jasa serta sumbangan golongan pekerja dalam membangunkan negara, masyarakat dan institusi. Namun begitu, dalam kerangka pemikiran Islam, pekerjaan bukan sekadar usaha mencari nafkah untuk kelangsungan hidup, tetapi juga merupakan suatu ibadah jika dilakukan dengan niat dan cara yang betul.

Dalam Islam, bekerja adalah satu tuntutan syarak. Ia bukan hanya keperluan ekonomi dan sosial, malah dianggap sebagai tanggungjawab keagamaan. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Mulk ayat 15 yang bermaksud,

“Dia lah yang menjadikan bumi bagi kamu: mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya).”

Ayat ini menunjukkan bahawa usaha mencari rezeki adalah sebahagian daripada pengabdian diri kepada Allah SWT. Islam menolak sikap malas dan pengangguran yang disengajakan, dan sebaliknya mengangkat martabat kerja sebagai jalan menuju kehidupan yang bermaruah dan sejahtera.

Rasulullah SAW sendiri telah menegaskan kepentingan usaha yang halal melalui sabda Baginda:

“Tidak ada makanan yang dimakan oleh seseorang itu, lebih baik daripada ia memakan makanan yang hasil dari usaha tangannya sendiri dan sesungguhnya adalah Nabi Allah Daud AS memakan makanan yang hasil dari usaha tangannya sendiri.” (Hadis Riwayat al-Bukhari)



Gambar Hiasan

Seorang pekerja Muslim bukan sahaja dituntut untuk melaksanakan tugas dengan baik, tetapi juga bertanggungjawab untuk menjunjung nilai-nilai adil, amanah, jujur dan profesional. Tanggungjawab ini bukan hanya kepada majikan atau organisasi, tetapi yang lebih utama, kepada Allah SWT sebagai sumber rezeki dan pemberi ganjaran.

Antara etika pekerja menurut ajaran Islam termasuklah menepati masa dan janji, bekerja dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh, tidak menyeleweng atau mengambil hak orang lain, menghindari penipuan dan rasuah, dan banyak lagi nilai-nilai yang baik.

Salah satu keistimewaan Islam adalah adanya konsep yang mengangkat setiap amalan yang disertai niat kerana Allah SWT sebagai ibadah. Seorang yang bekerja untuk menyara keluarga, menunaikan amanah dengan jujur, tidak mengabaikan solat dan menjaga hubungan sesama manusia, sebenarnya sedang melaksanakan ibadah yang mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT.

Oleh itu, bagi setiap umat Islam, sambutan Hari Pekerja harus dilihat bukan sekadar penghargaan jasmani, tetapi juga sebagai ruang muhasabah rohani. Ia memberi peluang untuk kita menilai kembali niat, amalan kerja, dan sejauh mana kita menjadikan pekerjaan sebagai jalan berkhidmat kepada agama dan ummah.

Marilah kita terus memperkukuhkan semangat kerja yang ikhlas dan amanah. Bekerjalah bukan sekadar kerana gaji atau jawatan semata-mata, tetapi kerana menyahut seruan agama. Semoga setiap peluh yang mengalir, setiap usaha yang dicurahkan, menjadi saksi pengorbanan dan amal soleh yang diberkati Allah SWT.

VAPE: ANCAMAN KESIHATAN DAN AKIDAH

Disediakan oleh: Abang Zulkernain bin Abang Yusuf

Penggunaan rokok elektronik atau vape kini semakin berleluasa terutamanya dalam kalangan remaja dan belia. Ramai yang memilih untuk menghisap vape sebagai alternatif yang lebih "selamat" berbanding rokok biasa. Namun begitu, penggunaan vape tetap mengundang pelbagai kemudaratkan dari aspek kesihatan, kewangan dan rohani.

Dalam Islam, sebarang perkara yang mendatangkan kemudaratkan kepada diri sendiri adalah dilarang. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 195:

Maksudnya: "Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan dengan tangan sendiri; dan baikilah (dengan sebaik-baiknya apa sahaja yang kamu lakukan); kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya."

Kajian sains telah membuktikan bahawa vape mengandungi bahan kimia berbahaya yang boleh merosakkan paru-paru, jantung, dan sistem pernafasan. Walaupun tidak mengandungi tar seperti rokok konvensional, vape masih mengandungi nikotin dan bahan toksik lain yang boleh menyebabkan ketagihan dan komplikasi kesihatan jangka panjang.



Gambar Hiasan

Dari sudut Maqasid Syariah, penjagaan nyawa (hifz al-nafs) dan penjagaan akal (hifz al-'aql) adalah antara lima objektif utama syariah. Apa-apa amalan yang merosakkan tubuh badan atau akal fikiran adalah bertentangan dengan prinsip-prinsip ini. Justeru, penggunaan vape yang memudaratkan kesihatan adalah bercanggah dengan kehendak syarak.

Selain itu, pembaziran wang ke atas barangan yang tidak bermanfaat juga ditegah dalam Islam. Firman Allah dalam Surah Al-Isra' ayat 27:

Maksudnya: "Sesungguhnya pemboros itu adalah saudara-saudara syaitan."

Membelanjakan wang untuk membeli peranti vape dan cecairnya adalah satu pembaziran yang tidak membawa manfaat, malah mengundang bahaya kepada diri sendiri dan orang sekeliling.

Kesimpulannya, berdasarkan dalil-dalil syarak dan penemuan saintifik, penggunaan vape adalah sesuatu yang harus dielakkan oleh umat Islam. Ia bukan sahaja membahayakan kesihatan, malah menyalahi prinsip-prinsip Islam dalam menjaga diri sendiri dan harta.

Rujukan: 1.<https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/1905-irsyad-fatwa-ke-63-hukum-penggunaan-rokok-elektronik-vapor>
2.<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/114565/vape-tetap-haram-walaupun-alasan-kata-menteri-agama>
3.<https://emuskil.muftiselangor.gov.my/index.php/site/jawapan?id=1386>



Gambar Hiasan

ANAK DAN SKRIN

Gambar Hiasan

Disediakan oleh: Dayang Siti Aisyah binti Mohd Atei

Gajet seperti tablet, telefon pintar dan komputer riba telah menjadi sebahagian besar daripada kehidupan kita termasuk kanak-kanak. Sudah menjadi kebiasaan para ibu bapa memberi gajet kepada anak atas alasan untuk menenangkan mereka agar berhenti menangis selain membuatkan anak kecil gembira dan lebih mudah dikawal. Satu ketika dahulu, kita pernah melalui era di mana 'bibik' yang menggantikan ibu bapa dalam proses pembesaran anak-anak. Kini, fenomenanya agak berbeza di mana gajet menggantikan ibu bapa dan penjaga.

Hubungan anak dan skrin bukanlah negatif sepenuhnya. Dalam bidang pendidikan, teknologi digital membantu menjadikan pembelajaran lebih menarik. Pembelajaran dalam talian, e-pembelajaran dan aplikasi pendidikan kini digunakan secara meluas, bahkan oleh kanak-kanak seawal usia prasekolah. Aplikasi seperti Google Classroom, Zoom, dan platform interaktif seperti Kahoot atau Quizizz menjadi medium pembelajaran harian. Ini memberi peluang kepada mereka untuk belajar secara fleksibel, mengakses maklumat dengan mudah dan menguasai kemahiran teknologi sejak kecil.

Natijahnya, kanak-kanak kini banyak menghabiskan masa sehingga berjam-jam menggunakan gajet. Sama ada untuk tujuan pendidikan, hiburan mahupun komunikasi. Interaksi dengan skrin menjadi satu kebiasaan yang sukar dielakkan. Namun, persolannya di manakah garis pemisah antara pembelajaran yang bermanfaat dan ketagihan gajet yang memudaratkan?

Tidak dapat dinafikan bahawa peningkatan masa skrin turut membuka ruang kepada masalah ketagihan gajet. Kanak-kanak yang terlalu asyik dengan permainan video, media sosial, YouTube, TikTok sering menunjukkan tanda-tanda seperti kesukaran memberi tumpuan dalam kelas, kurang berinteraksi secara sosial di dunia nyata, masalah tidur dan tingkah laku serta resah bila tidak dibenarkan menggunakan gajet.

Ibu bapa perlu bijak memainkan peranan dalam mengimbangi penggunaan gajet. Tetapkan had masa skrin dan pastikan penggunaan skrin harian tidak berlebihan. Selain itu, pilih kandungan yang berkualiti serta pantau aplikasi atau video yang digunakan. Ibu bapa boleh menggunakan mod selamat atau aplikasi penapis kandungan.

Cara yang lebih sihat untuk mengurangkan masa skrin adalah dengan melakukan aktiviti fizikal dan sosial bersama-sama. Misalnya, bermain di luar, beriadah atau melibatkan mereka dalam aktiviti keluarga.

Gajet dan skrin bukanlah musuh dalam perkembangan kanak-kanak. Malah, ia boleh menjadi alat pembelajaran yang sangat berkesan jika digunakan dengan betul. Namun, tanpa pemantauan, kanak-kanak akan mengalami ketagihan gajet dan mengganggu perkembangan. Pendekatan seimbang antara teknologi dan interaksi dunia nyata adalah kunci utama dalam membesarkan anak-anak yang sihat fizikal, mental dan sosial dalam dunia digital ini.

WAQAF PEMANGKIN PEMBANGUNAN UMMAH

Disediakan oleh: Mohamad Hanif bin Abudullah

Waqaf merupakan satu konsep penting dalam ekonomi Islam yang merangkumi amalan menyumbangkan harta untuk kegunaan umum atau kebajikan demi memperoleh ganjaran pahala yang berterusan daripada Allah SWT. Dari segi bahasa, waqaf berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud menahan atau menghentikan. Dari segi istilah syarak, waqaf merujuk kepada penahanan sesuatu harta milik individu daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan atau hibah, dan menggunakannya untuk tujuan kebaikan secara berterusan, selama mana manfaatnya masih wujud.

Pensyariatan wakaf dapat kita runtuangkan daripada beberapa dalil yang menjadi asas kefahaman tentang perkara ini. Di dalam Surah Ali-Imran, ayat ke 93 misalnya Allah berfirman yang bermaksud, **“kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi”**.

Galakan untuk berwakaf dan bersedekah juga dapat kita fahami dengan jelas dalam satu hadis masyhur yang bermaksud **“Jika anak Adam telah meninggal, maka putuslah semua amalannya kecuali tiga; sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang mendoakannya” (Riwayat Bukhari dan Muslim)**.

Waqaf memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat Islam, bukan sahaja dalam aspek ekonomi, pendidikan, kebajikan, dan infrastruktur, malah ia turut memberi manfaat dari sudut spiritual dan holistik. Melalui waqaf, harta seseorang itu terus memberi manfaat walaupun setelah pemiliknya meninggal dunia sepertimana yang dijelaskan di dalam hadis tersebut.

Di Malaysia, khususnya di Sarawak, amalan berwakaf telah mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan umat Islam. Perkara ini dibuktikan dengan statistik yang menyatakan sebanyak 490 aset wakaf berdaftar dengan nilai RM11.86 juta di Sarawak. Perkara ini didedahkan sendiri oleh Premier Sarawak di Majlis Perasmian Persidangan Wakaf Antarabangsa dan Endowment 2023 pada 16 Mac 2023.

Perkembangan yang positif ini membawa kepada penubuhan Yayasan Wakaf sepertimana yang diumumkan oleh Premier Sarawak dalam Wacana Perdana Majlis Kesyukuran Agensi-Agensi Islam Sarawak Tahun 2025/1446H pada 28 Januari 2025. Menurutnya, penubuhan yayasan tersebut adalah untuk menguruskan pelaksanaan sistem wakaf bagi memastikan tiada aset umat Islam di negeri ini terabai khususnya melibatkan tanah.

Melihat kepentingan waqaf kepada kemaslahatan umat Islam khususnya dalam komuniti setempat, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) turut menerapkan konsep waqaf dalam membangunkan kemudahan yang memberi manfaat khusus kepada masyarakat Islam. Pada 24 Mac 2023, LAKMNS telah melancarkan Wakaf Pembinaan Gazebo Tanah Perkuburan Raudhatul Sakinah dan Pembinaan Pusat Agama Nurul Saadah.

Projek Wakaf LAKMNS merupakan inisiatif LAKMNS untuk membuka ruang penglibatan daripada masyarakat umum untuk bersama-sama menyediakan prasarana dan kemudahan kebajikan kepada komuniti. Dengan adanya program wakaf ini juga, ia boleh dimanfaatkan oleh entiti korporat atau syarikat swasta sebagai platform pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Justeru, umat Islam seharusnya mengambil peluang ini untuk bersama-sama menyumbang kepada tabung wakaf samada yang disediakan oleh agensi kerajaan mahupun badan bukan kerajaan (NGO) seperti LAKMNS, kerana inilah platform yang bersifat *holistic* bagi masyarakat untuk memainkan peranan dalam memangkin pembangunan ummah, dan seterusnya dalam masa yang sama boleh menjadi saham akhirat kelak. Wallahua'lam.

Rujukan: https://wazan.upm.edu.my/artikel/asal_usul_kewujudan_wakaf_satu_perdebatan_dalam_kalangan_ilmuan-48233
<https://www.tvsarawak.my/2023/03/16/490-aset-wakaf-bernilai-rm11-86-juta-di-sarawak-abang-johari/>



Gambar Hiasan

KOMUNIKASI DALAM ISLAM

Disediakan oleh: Mohamad Hanif bin Abudullah

Komunikasi adalah proses penyampaian dan penerimaan maklumat di antara dua pihak, samada individu atau kumpulan, melalui pelbagai saluran seperti perkataan, simbol, gerak tubuh, tulisan, suara atau teknologi bagi mencapai persefahaman. Komunikasi boleh berlaku antara dua individu (interpersonal), dalam satu kumpulan (intrapersonal), atau antara individu dan khalayak ramai (*publics*).

Dalam perspektif Islam, selain komunikasi di antara sesama manusia, komunikasi juga dilihat dari sudut interaksi di antara Allah dan hamba-Nya. Ketika awal tahap kewujudan manusia dalam bentuk ruh, Allah telahpun berinteraksi dengan ciptaanNya, sepertimana yang diterangkan di dalam Surah al-A'raf, ayat ke 172 yang bermaksud, **“Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Ia bertanya dengan firmanNya): “Bukankah Aku tuhan kamu?” Mereka semua menjawab: “Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi”**. Ayat ini jelas bahawa wujud komunikasi langsung di antara Allah dengan hamba-Nya.



Gambar Hiasan

Selain itu, penurunan wahyu daripada Allah kepada pada nabi dan rasul juga boleh dianggap sebagai salah satu bentuk komunikasi melalui perantaraan malaikat. Oleh itu, dapat kita fahami bahawa komunikasi dari sudut pandang Islam bukan sekadar proses menyampaikan maklumat, malah ia merupakan satu amanah dan ibadah jika dilakukan dengan niat yang betul dan cara yang betul. Al-Quran dan Sunnah memberikan panduan jelas tentang bagaimana komunikasi harus dilaksanakan untuk memupuk keharmonian, membina hubungan sesama manusia, dan menyebarkan kebenaran.

Rasulullah SAW merupakan contoh terbaik dalam berkomunikasi. Baginda sentiasa menggunakan pendekatan yang sesuai dengan latar belakang dan kefahaman audiens. Kata-kata baginda penuh hikmah, tidak menyakiti, dan selalu memberi kesan mendalam. Sebagai contoh, dalam menyampaikan dakwah kepada orang bukan Islam, Baginda tidak pernah memaksa, sebaliknya menggunakan pendekatan kasih sayang, kesabaran, dan hikmah.

Kesimpulannya, komunikasi dalam Islam bukan sekadar alat untuk menyampaikan mesej, tetapi satu ibadah jika dilaksanakan dengan adab dan niat yang betul. Komunikasi yang berkesan dan beretika mampu membina masyarakat yang harmoni, berintegriti dan saling memahami. Justeru, umat Islam diseru untuk mencontohi Rasulullah SAW dalam setiap aspek komunikasi dengan hikmah, sopan, dan penuh kasih sayang.



**Apabila telah mati seorang manusia,
maka terputuslah baginya pahala amalannya
kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah,
ilmu yang bermanfaat dan anak soleh
yang mendoakannya. Riwayat Muslim (1631)**

**Jom Jana
Saham Akhirat
melalui**

Wakaf

PEMBINAAN

PUSAT AGAMA NURUL SAADAH

PEMBINAAN

GAZEBO RAUDHATUL SAKINAH

TUNAI

Serahan tunai kepada Bahagian Kewangan di Pejabat LAKMNS, Tingkat 8, Baitul Makmur 1, Medan Raya, Petra Jaya, Kuching, dengan menyatakan tujuan wakaf PUSAT AGAMA NURUL SAADAH. Orang yang boleh dihubungi:

- Azlelaa Nadira binti Mohamad No. tel: 082-440775
- Mohd Hafidz bin Mohidin Zailani No. tel: 082-440775

Serahan tunai kepada Bahagian Kewangan di Pejabat LAKMNS, Tingkat 8, Baitul Makmur 1, Medan Raya, Petra Jaya, Kuching, dengan menyatakan tujuan wakaf GAZEBO. Orang yang boleh dihubungi:

- Mohd Hafidz Bin Mohidin Zailani No. tel: 082-440775

PEMBAYARAN ATAS TALIAN (ONLINE TRANSFER)

Bayar kepada akaun Bank Islam Malaysia Berhad 11013010006339 atas nama LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK. Hantar slip pembayaran bersama maklumat (Nama, No. Kad Pengenalan/ Syarikat, No. telefon, alamat, dan emel) dengan menyatakan tujuan wakaf PUSAT AGAMA NURUL SAADAH, ke alamat emel wakaf@lakmns.org.my

Bayar kepada akaun Bank Islam Malaysia Berhad 11013010006339 atas nama LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK. Hantar slip pembayaran bersama maklumat (Nama, No. Kad Pengenalan/ Syarikat, No. telefon, alamat, dan emel) dengan menyatakan tujuan wakaf GAZEBO, ke alamat emel wakaf@lakmns.org.my

QR PAY (SPAY GLOBAL)



Atas nama LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK. Hantar slip pembayaran bersama maklumat (Nama, No. Kad Pengenalan/ Syarikat, No. telefon, alamat, dan emel) dengan menyatakan tujuan wakaf PUSAT AGAMA NURUL SAADAH, ke alamat emel wakaf@lakmns.org.my



Atas nama LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK. Hantar slip pembayaran bersama maklumat (Nama, No. Kad Pengenalan/ Syarikat, No. telefon, alamat, dan emel) dengan menyatakan tujuan wakaf GAZEBO, ke alamat emel wakaf@lakmns.org.my

